

NO. SOALAN : 355

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB. TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

SOALAN :

YB. Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan bila Kementerian akan memberi peruntukan bagi Perpustakaan Awam Sibu untuk menaiktaraf dan menambah buku-buku baru supaya ia boleh setaraf Perpustakaan Universiti, memandangkan Sibu sekarang mempunyai kolej dan Universiti Of Teknologi Sarawak. Senaraikan peruntukan tahun 2010 – 2015.

JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Perpustakaan Awam Sibu terletak di bawah tadbir urus pihak berkuasa tempatan iaitu Majlis Perbandaran Sibu. Sepanjang tahun 2010 hingga 2015, Kerajaan Persekutuan telah menyalurkan peruntukan Belanja Mengurus kepada Perpustakaan Awam Negeri Sarawak sebanyak RM49 juta. Peruntukan ini diberikan melalui Kerajaan Negeri Sarawak. Pecahan jumlah peruntukan terperinci mengikut tahun adalah seperti jadual berikut:-

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2010	7,687,200.00
2011	8,455,920.00
2012	9,012,629.00
2013	7,704,927.00
2014	7,781,976.27
2015 (interim)	8,404,534.37
JUMLAH BESAR (RM)	49,047,136.64

Daripada jumlah tersebut, Kerajaan Negeri Sarawak telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM5.8 juta kepada Perpustakaan Awam Sibu melalui Majlis Perbandaran Sibu sepanjang tahun 2010 hingga 2014. Pecahan jumlah peruntukan terperinci mengikut tahun adalah seperti jadual berikut:-

TAHUN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
2010	1,040,996.15
2011	1,256,127.84
2012	1,047,290.00
2013	1,300,030.27
2014	1,245,164.45
JUMLAH BESAR (RM)	5,889,608.71

Sekian, terima kasih.

RT36/356

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW
[SIBU]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Oscar Ling Chai Yew [Sibu] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jenis kursus degree yang disediakan oleh University College of Technology Sarawak. Berapakah yang diiktirafkan oleh MQA, dan boleh diterima oleh JPA.

JAWAPAN

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

Sehingga kini sebanyak sembilan (9) kursus pengajian telah diluluskan di bawah seksyen 38 Akta Institusi Pendidikan Tinggi Swasta 1996 [Akta 555] kepada Kolej Universiti Teknologi Sarawak (*University College of Technology Sarawak, UCTS*) seperti berikut:

- i. Foundation in Science;
- ii. Foundation in Arts;
- iii. Bachelor of Civil Engineering;
- iv. Bachelor of Engineering Technology (Hons) in Electrical and Electronic;
- v. Bachelor of Business Administration (Hons);
- vi. Bachelor of Quantity Surveying (Hons);

- vii. Bachelor of Science (Hons) in Architecture;
- viii. Bachelor of Mechanical Engineering (Hons); dan
- ix. Master of Engineering.

Pengiktirafan bagi sesuatu kursus pengajian yang telah diluluskan dan ditawarkan di IPTS hanya boleh dilaksanakan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) selepas kursus tersebut mencapai akreditasi penuh daripada Agensi Kelayakan Malaysia (MQA). Proses akreditasi penuh akan dilaksanakan oleh pihak MQA apabila kohort pertama pelajar bagi sesuatu kursus pengajian berada pada tahun atau semester akhir. Pada masa kini, terdapat dua (2) kursus pengajian peringkat asas iaitu Foundation in Arts dan Foundation in Science di UCTS telah mencapai akreditasi penuh daripada MQA.